

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 JUN 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8

‘Dasar ekonomi jelas tapi pelaksanaan perlahan’

‘Dasar ekonomi jelas tapi pelaksanaan perlahan’

Rakyat mahu tindakan ‘segar’ kerajaan baik kehidupan pasca COVID-19

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Negara memiliki dasar ekonomi yang jelas, terutama menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Belanjawan 2023, namun pelaksanaan program yang dirancang itu dilihat perlahan, selain setengahnya tidak sampai kepada kumpulan sasaran.

Penganalisis ekonomi, Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari, berkata rakyat mengharapkan sesuatu yang segar di bawah kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, terutama dalam menangani isu kos sara hidup, namun apa yang dilaksanakan ketika ini tidak jauh bezanya dengan kerajaan sebelum ini.

“Tidak timbul isu dasar yang tidak jelas kerana dokumen hala tuju Malaysia sudah diperhalusi dan dibentuk dengan kaedah yang sempurna, memabitkan li-

but urus dan pendekatan saintifik.

“Apa yang menjadi pertikaian adalah soal pelaksanaan. Rakyat mahukan sesuatu yang baharu, yang boleh memperbaiki kehidupan mereka terutama pasca pandemik COVID-19.

“Dasar sudah ada, cuma pelaksanaannya agak perlahan dan dilihat tidak mempunyai impak berkesan kepada rakyat di luar sana. Itu yang perlu diperbaiki,” katanya kepada *BH*.

Beliau mengulas kenyataan bekas Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin, sebelum ini bahawa kesukaran Anwar untuk meraih sokongan Melayu menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) akan datang lebih didorong rasa tidak puas hati rakyat terhadap pentadbirannya yang dilihat kurang berkesan dari segi hala tuju ekonomi, berbanding faktor ‘Gelombang Hijau’ dibawa Perikatan Nasional (PN).

Khairy berpandangan, sejak tujuh bulan Anwar dilantik sebagai Perdana Menteri, jelas terdapat kekurangan pada hala tuju ekonomi, dengan ringgit terus melemah dan krisis kos sara hidup terus menghakik kuasa beli rakyat.

Kos sara hidup

Menumpukan mengenai kos sara hidup, Mohd Yusof berkata, ia adalah isu mendesak sejak 2015

dan corak undi pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) baru-baru ini menunjukkan faktor ekonomi menjadi penentu sokongan.

“Saya lihat cara kita menangani kos sara hidup masih menggunakan kaedah lama, dengan penjenamaan semula program yang diadakan, tanpa usaha yang pragmatik supaya isu ini dapat diselesaikan,” katanya.

Beliau turut berpandangan, isu kos sara hidup tidak sepatutnya diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), sebaliknya diletakkan di bawah Kementerian seperti Kementerian Ekonomi, yang boleh menjadi agensi pusat untuk pelaksanaan yang lebih berkesan.

“KPDN hanya memabitkan penguatkuasaan ke atas harga, tidak memabitkan subsidi kepada pengeluar, isu import atau kedudukan ringgit. Semua ini berkait rapat dengan kos sara hidup.

“Begitu juga perspektif pendapatan yang menjadi antara kepada elemen kos sara hidup.

“Untuk meningkatkan pendapatan, ia juga memerlukan kepada pembaharuan sistem gaji dan perkhidmatan modal insan, dan ini tiada di bawah KPDN.

“Hal ini menyebabkan kita tidak nampak dengan jelas bagaimana isu ini dapat diselesaikan

pada masa depan,” katanya.

Bagi mencapai dasar yang dirancang, Mohd Yusof menyarankan kerajaan ‘menajamkan’ pelaksanaan program dan inisiatif, terutama memabitkan usaha mengurangkan kos sara hidup rakyat, mengurangkan tekanan inflasi dan meningkatkan pendapatan.

Sementara itu, Pengurus Pembangunan Perniagaan, Putra Business School (PBS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, turut berpandangan dasar ekonomi sedia ada sudah jelas, namun memerlukan masa untuk melihat keberkesanannya.

“Masih terlalu awal untuk melihat pencapaian dasar ini kerana ada sesetengah inisiatif memerlukan masa untuk memabitkan hasil.

“Kita hanya akan tahu sama ada ia mencapai sasaran atau sebaliknya, apabila kerajaan membentangkan status pencapaian dalam menangani kos sara hidup, seperti bilangan isi rumah yang keluar daripada kategori miskin tegar pada tahun ini,” katanya.

Namun, Ahmed Razman mengingatkan, perlu ada ketelusan dalam pelaksanaan setiap inisiatif dari segi pelaporan supaya rakyat dapat melihat impaknya.

“Jika laporan itu dapat dilakukan dan membuktikan keber-


“Dasar sudah ada, cuma pelaksanaannya agak perlahan dan dilihat tidak mempunyai impak berkesan kepada rakyat di luar sana. Itu yang perlu diperbaiki”

Mohd Yusof Saari, Penganalisis ekonomi



“Masih terlalu awal untuk melihat pencapaian dasar ini kerana ada sesetengah inisiatif memerlukan masa untuk memabitkan hasil”

Ahmed Razman Abdul Latiff, Pengurus Pembangunan Perniagaan, Putra Business School UPM



kesan inisiatif Perdana Menteri, rakyat akan memberi sokongan kepada beliau dan banyak lagi inisiatif dapat diberi,” katanya.